



Warta Kerajaan

SERIPADUKABAGINDA

DITERBITKAN DENGAN KUASA

HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 33
No. 26

21hb Disember 1989

*TAMBAHAN No. 80
PERUNDANGAN (A)*

P.U. (A) 425.

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

DAN

AKTA PETROLEUM (CUKAI PENDAPATAN) 1967

**PERINTAH PELEPASAN CUKAI DUA KALI (REPUBLIK
RAKYAT HUNGARY) 1989**

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 132 (1)
Akta Cukai Pendapatan 1967 dan seksyen 65A (1) Akta Petroleum
(Cukai Pendapatan) 1967, Menteri membuat perintah berikut:

*Akta 53.
Akta 45/67.*

1. Perintah ini boleh dinamakan **Perintah Pelepasan Cukai Dua Kali (Republik Rakyat Hungary) 1989.** Nama.

2. Adalah diisytiharkan bahawa perkiraan-perkiraan yang dinyatakan dalam Jadual telah dibuat dengan Kerajaan Republik Rakyat Hungary dengan tujuan memberi pelepasan daripada cukai dua kali berhubungan dengan cukai Malaysia dan cukai Republik Rakyat Hungary (sebagaimana yang ditakrifkan mengenai tiap-tiap satunya dalam perkiraan-perkiraan itu) dan bahawa adalah bermanfaat jika perkiraan-perkiraan itu dikuatkuasakan.

*Pelepasan
cukai dua
kali.*

JADUAL

PERJANJIAN DI ANTARA KERAJAAN MALAYSIA
DENGAN KERAJAAN REPUBLIK RAKYAT HUNGARY
BAGI MENGELAKKAN CUKAI DUA KALI DAN
MENCEGAH PELARIAN FISKAL BERKENAAN
DENGAN CUKAI-CUKAI KE ATAS PENDAPATAN

Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Republik Rakyat Hungary dengan hasrat membuat suatu Perjanjian bagi mengelakkan cukai dua kali dan mencegah pelarian fiskal berkenaan dengan cukai-cukai ke atas pendapatan, dan untuk memajukan dan memudahkan seterusnya perhubungan ekonomi mereka, telah bersetuju seperti berikut:

Perkara 1

BIDANG DIRI

Perjanjian ini hendaklah terpakai kepada orang-orang yang menjadi pemastautin satu atau kedua-dua Negara Pejanji.

Perkara 2

CUKAI-CUKAI YANG DILIPUTI

1. Perjanjian ini hendaklah terpakai kepada cukai-cukai ke atas pendapatan yang dikenakan oleh suatu Negara Pejanji, tanpa mengira cara bagaimana cukai-cukai itu dilevikan.

2. Cukai-cukai yang menjadi perkara Perjanjian ini ialah:

(a) di Malaysia:

- (i) cukai pendapatan dan cukai keuntungan berlebihan;
- (ii) cukai pendapatan tambahan, iaitu, cukai pembangunan; dan
- (iii) cukai pendapatan petroleum; (kemudian daripada ini disebut “cukai Malaysia”);

(b) di Republik Rakyat Hungary:

- (i) cukai pendapatan am;
- (ii) cukai-cukai keuntungan;
- (iii) cukai khas perbadanan;
- (iv) caruman bandar dan komuniti; (kemudian daripada ini disebut “cukai Hungary”).

3. Perjanjian ini hendaklah juga terpakai kepada apa-apa cukai yang serupa atau yang sebahagian besarnya sama dengan cukai-cukai ke atas pendapatan yang dikenakan selepas tarikh

Perjanjian ini ditandatangani sebagai tambahan kepada, atau sebagai ganti bagi, cukai-cukai yang sedia ada. Pihak berkuasa kompeten Negara-Negara Pejanji hendaklah memberitahu antara satu sama lain tentang perubahan-perubahan penting yang telah dibuat dalam undang-undang pencukaian mereka masing-masing.

Perkara 3

TAKRIF AM

1. Dalam perjanjian ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain:

- (a) istilah “Malaysia” ertinya Persekutuan Malaysia dan termasuklah mana-mana kawasan yang melewati dan bersempadanan dengan perairan wilayah Malaysia yang menurut undang-undang antarabangsa, telah atau mungkin kemudian daripada ini ditetapkan di bawah undang-undang Malaysia sebagai kawasan yang di dalamnya hak-hak Malaysia berkenaan dengan eksploitasi dan eksplorasi sumber-sumber alam, sama ada yang hidup atau tak hidup, boleh dilaksanakan;
- (b) istilah “republik Rakyat Hungary” bila digunakan dalam ertikata geografi ertinya wilayah Republik Rakyat Hungary;
- (c) istilah “suatu Negara Pejanji” dan “Negara Pejanji yang satu lagi” ertinya Malaysia atau Republik Rakyat Hungary mengikut kehendak konteksnya;
- (d) istilah “orang” termasuklah seseorang individu, syarikat dan lain-lain kumpulan orang yang dikira sebagai orang bagi maksud-maksud cukai;
- (e) istilah “syarikat” ertinya mana-mana pertubuhan perbadanan atau mana-mana entiti yang dikira sebagai pertubuhan perbadanan bagi maksud-maksud cukai;
- (f) istilah “perusahaan suatu Negara Pejanji” dan “perusahaan Negara Pejanji yang satu lagi” masing-masingnya bererti perusahaan yang dijalankan oleh pemastautin suatu Negara Pejanji dan perusahaan yang dijalankan oleh pemastautin Negara Pejanji yang satu lagi;
- (g) istilah “cukai” ertinya cukai Malaysia atau cukai Hungary, mengikut kehendak konteksnya;
- (h) istilah “rakyat” ertinya:
 - (i) mana-mana individu yang memiliki kewarganegaraan atau kerakyatan suatu Negara Pejanji;

- (ii) mana-mana orang di sisi undang-undang, perkongsian, persatuan dan apa-apa entiti lain yang memperolehinya statusnya yang sedemikian itu daripada undang-undang yang berkuatkuasa di suatu Negara Pejanji;
 - (i) istilah “lalulintas antarabangsa” ertinya apa-apa pengangkutan oleh kapal atau pesawat udara yang dikendalikan oleh perusahaan yang mempunyai tempat pengurusan berkesannya di suatu Negara Pejanji, kecuali jika kapal atau pesawat udara itu dikendalikan semata-mata di antara tempat-tempat Negara Pejanji yang satu lagi;
 - (j) istilah “pihak berkuasa kompeten” ertinya:
 - (i) dalam hal Malaysia, Menteri Kewangan atau wakilnya yang diberikuasa; dan
 - (ii) dalam hal Republik Rakyat Hungary, Menteri Kewangan atau wakilnya yang diberikuasa.
2. Pada pemakaian Perjanjian oleh suatu Negara Pejanji, apa-apa istilah yang tidak ditakrifkan di dalamnya hendaklah, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain, mempunyai erti yang sama seperti di bawah undang-undang Negara Pejanji itu berkenaan dengan cukai-cukai yang Perjanjian ini terpakai.

Perkara 4 PEMASTAUTIN

1. Bagi maksud-maksud Perjanjian ini, istilah “pemastautin suatu Negara Pejanji” ertinya mana-mana orang yang, di bawah undang-undang cukai negara itu, adalah pemastautinnya oleh sebab domisilnya, tempat tinggalnya, tempat pengurusannya atau apa-apa kriteria lain yang bersamaan jenis.
2. Jika oleh sebab peruntukan-peruntukan perenggan 1 seseorang individu adalah pemastautin kedua-dua Negara Pejanji, maka statusnya hendaklah ditentukan mengikut kaedah-kaedah yang berikut:
 - (a) dia hendaklah disifatkan sebagai pemastautin Negara di mana dia mempunyai tempat kediaman tetap yang tersedia baginya. Jika dia mempunyai tempat kediaman tetap yang tersedia baginya di kedua-dua Negara, dia hendaklah disifatkan sebagai pemastautin Negara yang dengannya perhubungan peribadi dan ekonominya adalah lebih rapat (pusat kepentingan vital);

-
- (b) jika Negara di mana dia mempunyai pusat kepentingan vitalnya tidak dapat ditentukan, atau jika dia tidak mempunyai tempat kediaman tetap yang tersedia baginya dalam mana-mana satu Negara, dia hendaklah disifatkan sebagai pemastautin Negara di mana dia mempunyai tempat tinggal yang lazim;
 - (c) jika dia mempunyai tempat tinggal yang lazim di kedua-dua Negara atau tidak mempunyai tempat tinggal yang lazim di kedua-dua Negara, dia hendaklah disifatkan sebagai pemastautin di Negara yang dia adalah rakyatnya;
 - (d) jika dia adalah rakyat kedua-dua Negara atau bukan rakyat kedua-dua Negara, pihak berkuasa kompeten di Negara-Negara Pejanji hendaklah menyelesaikan persoalan ini dengan cara persetujuan bersama.

3. Jika, oleh sebab peruntukan-peruntukan perenggan 1, seseorang yang lain dari seorang individu adalah pemastautin di kedua-dua Negara Pejanji, maka ia hendaklah disifatkan sebagai pemastautin di Negara di mana tempat pengurusan berkesannya terletak.

Perkara 5

ESTABLISHMEN TETAP

1. Bagi maksud-maksud Perjanjian ini, istilah “establishmen tetap” ertinya tempat perniagaan yang tetap yang melaluinya kesemua atau sebahagian daripada perniagaan perusahaan itu dijalankan.
2. Istilah “establishmen tetap” hendaklah termasukterutamanya:
 - (a) tempat pengurusan;
 - (b) cawangan;
 - (c) pejabat;
 - (d) kilang;
 - (e) woksyop;
 - (f) lombong, telaga minyak atau gas, kuari atau mana-mana tempat lain bagi pengeluaran sumber-sumber alam termasuklah kayu atau keluaran hutan yang lain;
 - (g) kebun atau ladang;
 - (h) tapak bangunan atau pembinaan, projek pemasangan atau pemasangan yang wujud selama lebih daripada enam bulan.

3. Walau apapun peruntukan-peruntukan sebelum ini Perkara ini istilah “establismen tetap” hendaklah disifatkan sebagai tidak termasuk:

- (a) penggunaan kemudahan-kemudahan semata-mata bagi maksud penyimpanan, pameran atau hartaserah barang-barang atau dagangan kepunyaan perusahaan itu;
- (b) penyenggaraan stok barang-barang atau dagangan kepunyaan perusahaan itu semata-mata bagi maksud penyimpanan pameran atau hantarserah;
- (c) penyenggaraan stok barang-barang atau dagangan kepunyaan perusahaan itu semata-mata bagi maksud pemerosesan oleh perusahaan lain;
- (d) penyenggaraan tempat perniagaan yang tetap semata-mata bagi maksud pembelian barang-barang atau dagangan, atau bagi mengumpul maklumat, untuk perusahaan itu;
- (e) penyenggaraan tempat perniagaan yang tetap semata-mata bagi maksud menjalankan, untuk perusahaan itu, apa-apa aktiviti lain yang bersifat persediaan atau tambahan;
- (f) penyenggaraan tempat perniagaan yang tetap semata-mata bagi mana-mana gabungan aktiviti-aktiviti yang disebut dalam subperenggan (a) ke (e), dengan syarat bahawa aktiviti keseluruhan tempat perniagaan yang tetap itu yang berbangkit daripada gabungan ini adalah bersifat persediaan atau tambahan.

4. Perusahaan suatu Negara Pejanji hendaklah disifatkan sebagai mempunyai establismen tetap di Negara Pejanji yang satu lagi jika ia menjalankan aktiviti-aktiviti penyeliaan dalam Negara yang satu lagi itu selama lebih daripada enam bulan berkaitan dengan projek pembinaan, pemasangan atau pemasangan yang sedang diusahakan dalam Negara yang satu lagi itu.

5. Seseorang (selain daripada broker, ejen komisen am atau mana-mana ejen lain yang bertaraf bebas yang baginya perenggan 6 terpakai) yang bertindak dalam suatu Negara Pejanji bagi pihak perusahaan di Negara Pejanji yang satu lagi hendaklah disifatkan sebagai suatu establismen tetap dalam Negara yang mula-mula disebut itu, jika:

- (a) ia mempunyai, dan lazimnya menjalankan dalam Negara Pejanji yang mula-mula disebut itu, kuasa untuk membuat kontrak atas nama perusahaan itu, melainkan jika kegiatan-kegiatannya adalah terhad kepada pembelian barang-barang atau dagangan untuk perusahaan itu;

- (b) ia menyenggara dalam Negara yang mula-mula disebut itu stok barang-barang atau dagangan kepunyaan perusahaan yang daripadanya ia selalunya memenuhi pesanan-pesanan bagi pihak perusahaan itu; atau
- (c) ia mengilang atau memproses dalam Negara yang mula-mula disebut itu bagi perusahaan itu barang-barang atau dagangan kepunyaan perusahaan itu.

6. Perusahaan suatu Negara Pejanji tidaklah boleh disifatkan sebagai mempunyai establismen tetap dalam Negara Pejanji yang satu lagi semata-mata kerana ia menjalankan perniagaan dalam Negara yang satu lagi itu melalui broker, ejen komisen am atau mana-mana ejen lain yang bertaraf bebas, jika orang-orang sedemikian bertindak mengikut perjalanan biasa perniagaan mereka.

Walau bagaimanapun, apabila aktiviti-aktiviti ejen itu dijalankan kesemuanya atau hampir kesemuanya bagi pihak perusahaan itu, ia tidak boleh dianggap sebagai ejen yang bertaraf bebas jika transaksi-transaksi antara ejen dan perusahaan itu dibuat di bawah syarat-syarat yang berbeza daripada apa yang akan dibuat di antara perusahaan-perusahaan bebas.

7. Hakikat bahawa syarikat yang menjadi pemastautin suatu Negara Pejanji mengawal atau dikawal oleh syarikat yang menjadi pemastautin Negara Pejanji yang satu lagi, atau menjalankan perniagaan dalam Negara Pejanji yang satu lagi itu (sama ada melalui establismen tetap atau selainnya), tidak boleh dengan sendirinya menjadikan mana-mana satu syarikat itu establismen tetap bagi syarikat yang satu lagi.

Perkara 6

PENDAPATAN DARIPADA HARTA TAK ALIH

1. Pendapatan yang diperolehi oleh pemastautin suatu Negara Pejanji daripada harta tak alih yang terletak di Negara Pejanji yang satu lagi boleh dicukai dalam Negara yang satu lagi itu.

2. Bagi maksud-maksud Perjanjian ini, istilah “harta tak alih” hendaklah ditakrifkan mengikut undang-undang Negara Pejanji di mana harta yang dalam persoalan terletak. Istilah ini dalam apa-apa hal hendaklah termasuk harta tambahan kepada harta tak alih, ternakan dan kelengkapan yang digunakan dalam pertanian dan perhutanan, hak-hak yang peruntukan-peruntukan undang-undang am berkenaan dengan harta tanah terpakai baginya, usufruk bagi harta tak alih dan hak-hak kepada pembayaran boleh-ubah atau tetap sebagai balasan bagi pengerjaan, atau hak untuk mengerjakan, longgokan galian, telaga minyak atau gas, kuari dan tempat-tempat lain pengeluaran sumber-sumber alam termasuk kayu atau hasil-hasil hutan yang lain. Kapal, bot dan pesawat udara tidak boleh dianggap sebagai harta tak alih.

3. Peruntukan-peruntukan perenggan 1 hendaklah terpakai kepada pendapatan yang diperolehi daripada penggunaan secara langsung, penyewaan atau penggunaan harta tak alih dalam apa-apa cara lain.

4. Peruntukan-peruntukan perenggan 1 dan 3 hendaklah juga terpakai kepada pendapatan daripada harta tak alih suatu perusahaan dan kepada pendapatan daripada harta tak alih yang digunakan bagi pelaksanaan perkhidmatan-perkhidmatan persendirian bebas.

Perkara 7

KEUNTUNGAN PERNIAGAAN

1. Keuntungan perusahaan suatu Negara Pejanji hanya boleh dicukai dalam Negara itu melainkan jika perusahaan itu menjalankan perniagaan dalam Negara Pejanji yang satu lagi melalui establismen tetap yang terletak di dalamnya. Jika perusahaan itu menjalankan perniagaan seperti yang disebutkan tadi, keuntungan perusahaan itu boleh dicukai dalam Negara yang satu lagi tetapi hanya atas sekian banyak daripada keuntungannya yang boleh dikaitkan dengan establismen tetap itu.

2. Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan perenggan 3, jika perusahaan suatu Negara Pejanji menjalankan perniagaan dalam Negara Pejanji yang satu lagi melalui establismen tetap yang terletak di dalamnya, maka hendaklah dalam setiap Negara Pejanji dikaitkan dengan establismen tetap itu keuntungan yang dijangka mungkin dibuat olehnya jika ianya suatu perusahaan yang berlainan dan berasingan yang menjalankan aktiviti-aktiviti yang sama atau serupa di bawah keadaan-keadaan yang sama atau serupa dan berurusan dengan sepenuh kebebasan dengan perusahaan yang ia menjadi establismen tetap.

3. Dalam menentukan keuntungan suatu establismen tetap, maka hendaklah dibenarkan sebagai potongan perbelanjaan yang semanasabahnya boleh diuntukkan yang dilakukan bagi maksud-maksud establismen tetap itu, termasuk perbelanjaan menjalankan kerja dan pentadbiran am yang dilakukan sedemikian, sama ada di Negara di mana terletaknya establismen tetap itu atau di tempat lain.

4. Jika maklumat yang tersedia kepada pihak berkuasa kompeten adalah tidak mencukupi bagi ditentukan keuntungan yang kena dikaitkan dengan establismen tetap sesuatu perusahaan, tiada apa-apa jua dalam Perkara ini boleh menyentuh pemakaian mana-mana undang-undang Negara itu berhubungan dengan penentuan liabiliti cukai seseorang itu dengan membuat suatu anggaran, dengan syarat bahawa undang-undang itu hendaklah dipakai, setakat mana maklumat yang tersedia kepada pihak berkuasa kompeten membenarkan, menurut prinsip Perkara ini.

5. Tiada apa-apa jua keuntungan boleh dikaitkan dengan suatu establismen tetap semata-mata oleh sebab pembelian oleh establismen tetap itu barang-barang atau dagangan untuk perusahaan itu.
6. Bagi maksud-maksud perenggan-perenggan di atas, keuntungan yang hendak dikaitkan dengan establismen tetap itu hendaklah ditentukan dengan cara yang sama dari setahun ke setahun melainkan terdapat sebab yang baik dan mencukupi untuk ditentukan sebaliknya.
7. Jika keuntungan termasuk butiran-butiran pendapatan yang diuruskan dengan secara berasingan dalam Perkara-Perkara lain Perjanjian ini, maka peruntukan-peruntukan Perkara-Perkara tersebut tidak boleh terjejas oleh peruntukan-peruntukan Perkara ini.

Perkara 8

PERKAPALAN DAN PENGANGKUTAN UDARA

1. Keuntungan yang diperolehi daripada pengendalian pesawat udara di lalulintas antarabangsa boleh dicukai hanya dalam Negara Pejanji di mana tempat pengurusan berkesan perusahaan itu terletak.
2. Pendapatan perusahaan yang mempunyai tempat pengurusan berkesan di suatu Negara Pejanji yang diperolehi daripada Negara Pejanji yang satu lagi daripada pengendalian kapal di lalulintas antarabangsa boleh dicukai di Negara Pejanji yang satu lagi itu, tetapi cukai yang boleh dikenakan di Negara Pejanji yang satu lagi itu ke atas pendapatan sedemikian hendaklah dikurangkan dengan amaun yang bersamaan dengan lima puluh peratus daripada cukai tersebut.
3. Perenggan 1 dan 2 hendaklah juga terpakai kepada syer keuntungan daripada pengendalian kapal atau pesawat udara yang diperolehi oleh pemastautin suatu Negara Pejanji melalui penyertaan dalam Kumpulan, perniagaan bersama atau agensi pengendalian antarabangsa.

Perkara 9

PERUSAHAAN BERSEKUTU

Jika—

- (a) perusahaan suatu Negara Pejanji menyertai secara langsung atau tidak langsung dalam pengurusan, pengawalan atau modal perusahaan Negara Pejanji yang satu lagi, atau

- (b) orang-orang yang sama menyertai secara langsung atau tidak langsung dalam pengurusan, pengawalan atau modal perusahaan suatu Negara Pejanji dan perusahaan Negara Pejanji yang satu lagi,

dan dalam mana-mana hal tersebut syarat-syarat adalah dibuat atau dikenakan di antara kedua-dua perusahaan itu dalam hubungan perdagangan atau kewangan mereka yang berlainan daripada syarat-syarat yang akan dibuat di antara perusahaan-perusahaan bebas, maka apa-apa keuntungan yang sepatutnya, jika tidak kerana syarat-syarat itu, telah terakru kepada satu daripada perusahaan-perusahaan itu, tetapi, oleh sebab syarat-syarat tersebut, telah tidak terakru sedemikian, bolehlah dikira sebagai keuntungan perusahaan itu dan dicukai dengan sewajarnya.

Perkara 10

DIVIDEN

1. Dividen yang dibayar oleh syarikat yang menjadi pemastautin suatu Negara Pejanji kepada pemastautin Negara Pejanji yang satu lagi boleh dicukai dalam Negara yang satu lagi itu.
2. Dividen yang dibayar oleh syarikat yang menjadi pemastautin Republik Rakyat Hungary kepada pemastautin Malaysia boleh dicukai di Republik Rakyat Hungary mengikut undang-undang Republik Rakyat Hungary, tetapi jika penerima itu adalah pemunya benefisial dividen-dividen itu cukai yang dikenakan sedemikian tidak boleh melebihi 10 peratus daripada amaun kasar dividen-dividen itu.
3. Dividen yang dibayar oleh syarikat yang menjadi pemastautin Malaysia kepada pemastutin Republik Rakyat Hungary yang menjadi pemunya benefisialnya hendaklah dikecualikan daripada apa-apa cukai di Malaysia yang boleh dikenakan ke atas dividen-dividen sebagai tambahan kepada cukai yang boleh dikenakan berkenaan dengan pendapatan syarikat itu. Tiada apa-apa jua dalam perenggan ini boleh menyentuh peruntukan-peruntukan undang-undang Malaysia yang di bawahnya cukai berkenaan dengan dividen yang dibayar oleh syarikat yang menjadi pemastautin Malaysia yang daripadanya cukai Malaysia telah, atau disifatkan telah dipotong, boleh diselaraskan dengan merujuk kepada kadar cukai yang bersesuaian dengan tahun taksiran Malaysia selepas sahaja tahun taksiran di mana dividen itu telah dibayar.

4. Istilah “dividen” sebagaimana yang digunakan dalam Perkara ini ertinya pendapatan daripada syer-syer atau hak-hak lain, yang bukan tuntutan hutang, menyertai dalam keuntungan, serta juga pendapatan daripada hak-hak lain perbadanan yang tertakluk kepada layanan pencukaian yang sama seperti pendapatan daripada syer-syer mengikut undang-undang di Negara di mana syarikat yang membuat pembahagian adalah pemastautin.

5. Peruntukan perenggan 1, 2 dan 3 tidaklah terpakai jika pemunya benefisial dividen itu, yang menjadi pemastautin suatu Negara Pejanji, menjalankan perniagaan dalam Negara Pejanji yang satu lagi, di mana syarikat yang membayar dividen adalah pemastautin, melalui suatu establismen tetap yang terletak di dalamnya, dan pemegangan yang berkenaan dengannya dividen-dividen itu dibayar adalah berkaitan secara berkesan dengan establismen tetap itu. Dalam hal yang sedemikian, peruntukan Perkara 7 hendaklah terpakai.

6. Jika syarikat yang menjadi pemastautin suatu Negara Pejanji memperoleh keuntungan atau pendapatan daripada Negara Pejanji yang satu lagi, Negara yang satu lagi itu tidak boleh mengenakan apa-apa cukai ke atas dividen yang dibayar oleh syarikat itu, kecuali setakat mana dividen-dividen itu adalah dibayar kepada pemastautin di Negara yang satu lagi itu atau setakat mana pemegangan yang berkenaan dengannya dividen itu dibayar adalah berkaitan secara berkesan dengan suatu establismen tetap yang terletak di Negara yang satu lagi itu, juga tidak membolehkan keuntungan yang tak diagihkan syarikat itu dikenakan cukai ke atas keuntungan yang tak diagihkan syarikat itu, walaupun jika dividen yang dibayar atau keuntungan yang tidak diagihkan itu keseluruhannya atau sebahagiannya terdiri daripada keuntungan atau pendapatan yang terbit dalam Negara yang satu lagi itu.

Perkara 11

BUNGA

1. Bunga yang terbit dalam suatu Negara Pejanji dan dibayar kepada pemastautin Negara Pejanji yang satu lagi boleh dicukai dalam Negara yang satu lagi itu.

2. Walau bagaimanapun, bunga itu boleh juga dicukai dalam Negara Pejanji di mana ia terbit, dan mengikut undang-undang Negara itu, tetapi jika penerimanya adalah pemunya benefisial bunga itu, cukai yang dikenakan sedemikian tidaklah boleh melebihi 15 peratus daripada amaun kasar bunga itu.

3. Walau apapun peruntukan perenggan 2, bunga yang pemastautin Republik Rakyat Hungary adalah berhak mendapat faedahnya hendaklah dikecualikan daripada cukai Malaysia jika pinjaman atau keterhutangan lain yang berkenaan dengannya bunga itu dibayar adalah pinjaman yang diluluskan sebagaimana yang ditakrifkan dalam seksyen 2 (1) Akta Cukai Pendapatan 1967 Malaysia.

4. Walau apa pun peruntukan perenggan 2 bunga yang terbit dalam suatu Negara Pejanji dan dibayar kepada pemastautin Negara Pejanji yang satu lagi boleh dikenakan cukai hanya di Negara yang satu lagi itu jika ia dibayar:

- (a) kepada Kerajaan Negara yang satu lagi itu;
- (b) kepada Bank Negara Negara yang satu lagi itu; atau
- (c) berkenaan dengan pinjaman yang disediakan, digerenti atau dijamin oleh Kerajaan Negara yang satu lagi itu yang boleh dipersetujui di antara pihak-pihak berkuasa kompeten Negara-Negara Pejanji.

5. Istilah “bunga” sebagaimana yang digunakan dalam Perkara ini ertinya pendapatan daripada setiap jenis tuntutan hutang, sama ada dengan bercagarkan gadaijanji ataupun tidak, dan sama ada memberikan hak untuk menyertai dalam keuntungan penghutang ataupun tidak, dan khususnya, pendapatan daripada sekuriti-sekuriti kerajaan dan pendapatan daripada bon-bon dan debentur-debentur.

6. Peruntukan-peruntukan perenggan 1, 2 dan 3 tidaklah boleh terpakai jika pemunya benefisial bunga itu, yang menjadi pemastautin suatu Negara Pejanji, menjalankan perniagaan dalam Negara Pejanji yang satu lagi di mana bunga itu terbit, melalui establismen tetap yang terletak di dalamnya, dan tuntutan hutang yang berkenaan dengannya bunga itu dibayar adalah berkaitan secara berkesan dengan establismen tetap itu. Dalam hal yang sedemikian, peruntukan-peruntukan Perkara 7 hendaklah terpakai.

7. Bunga hendaklah disifatkan sebagai terbit dalam suatu Negara Pejanji apabila pembayarannya adalah Negara itu sendiri, subbahagian politik, pihak berkuasa tempatannya, atau pemastautin Negara itu. Walau bagaimanapun, jika orang yang membayar bunga itu, sama ada dia adalah pemastautin suatu Negara Pejanji ataupun tidak, mempunyai dalam suatu Negara Pejanji establismen tetap yang berkaitan dengannya keterhutangan yang atasnya bunga itu dibayar telah dilakukan, dan bunga sedemikian ditanggung oleh establismen tetap itu, maka bunga itu hendaklah disifatkan sebagai terbit dalam Negara di mana establismen tetap itu terletak.

8. Jika, oleh kerana perhubungan istimewa di antara pembayar dengan pemunya benefisial atau di antara kedua-dua mereka dengan seorang yang lain, amaun bunga yang dibayar, dengan memberi perhatian kepada tuntutan hutang yang baginya amaun itu dibayar, melebihi amaun yang akan dipersetujui oleh pembayar bunga itu dan pemunya benefisial itu jika tidak ada perhubungan yang sedemikian, peruntukan-peruntukan Perkara ini hendaklah terpakai hanya kepada amaun yang terakhir disebut itu sahaja. Dalam hal yang sedemikian, bahagian bayaran yang berlebihan itu hendaklah tetap boleh dicukai mengikut undang-undang setiap Negara Pejanji, dengan memberi perhatian yang wajar kepada peruntukan-peruntukan lain Perjanjian ini.

Perkara 12
ROYALTI

1. Royalti yang terbit dalam suatu Negara Pejanji dan dibayar kepada pemastautin Negara Pejanji yang satu lagi boleh dicukai dalam Negara satu lagi itu.

2. Walau bagaimanapun, royalti tersebut boleh juga dicukai dalam Negara Pejanji di mana royalti itu terbit, dan dengan mengikut undang-undang Negara itu, tetapi jika penerima adalah pemunya benefisial royalti itu, cukai yang dikenakan sedemikian tidaklah boleh melebihi 15 peratus daripada amaun kasar royalti itu.

3. Istilah “royalti” sebagaimana yang digunakan dalam Perkara ini ertinya apa-apa jenis bayaran yang diterima sebagai balasan bagi:

- (a) penggunaan, atau hak untuk menggunakan, apa-apa paten, tanda niaga, rekabentuk atau model, pelan, formula atau proses rahsia, atau apa-apa hakcipta bagi kerja saintifik, atau bagi penggunaan, atau hak untuk menggunakan, kelengkapan perindustrian, perdagangan atau saintifik, atau bagi maklumat berkenaan dengan pengalaman perindustrian, perdagangan atau saintifik;
- (b) penggunaan, atau hak untuk menggunakan, filem wayang gambar, filem atau pita untuk siaran radio atau televisyen, apa-apa hakcipta mengenai hasil sastera atau seni.

4. Peruntukan perenggan 1 dan 2 tidaklah terpakai jika pemunya benefisial royalti itu, yang menjadi pemastautin suatu Negara Pejanji, menjalankan perniagaan dalam Negara Pejanji yang satu lagi di mana royalti itu terbit melalui establismen tetap yang terletak di dalamnya, dan hak atau harta yang berkenaan dengannya royalti itu dibayar adalah berkaitan secara berkesan dengan establismen tetap itu. Dalam hal sedemikian, peruntukan Perkara 7 hendaklah terpakai.

5. Royalti hendaklah disifatkan sebagai terbit dalam suatu Negara Pejanji jika pembayarannya adalah Negara itu sendiri, subbahagian politik, pihak berkuasa tempatannya, atau pemastautin Negara itu. Walau bagaimanapun, jika orang yang membayar royalti itu, sama ada dia pemastautin suatu Negara Pejanji ataupun tidak, mempunyai dalam suatu Negara Pejanji establismen tetap yang berkaitan dengannya obligasi untuk membayar royalti itu telah dilakukan, dan royalti itu ditanggung oleh establismen tetap itu, maka royalti itu hendaklah disifatkan sebagai terbit dalam Negara di mana establismen tetap itu terletak.

6. Jika, oleh kerana perhubungan istimewa di antara pembayar royalti dengan pemunya benefisial atau di antara kedua-dua mereka dengan seorang yang lain, amaun royalti yang dibayar, dengan memberi perhatian kepada penggunaan, hak atau maklumat yang kerananya ianya dibayar, melebihi amaun yang akan dipersetujui oleh pembayar dan pemunya benefisial itu jika tidak ada perhubungan yang demikian itu, peruntukan-peruntukan Perkara ini hendaklah terpakai hanya bagi amaun yang disebut terakhir itu sahaja. Dalam hal yang sedemikian, bahagian pembayaran yang berlebihan hendaklah tetap boleh dicukai mengikut undang-undang setiap Negara Pejanji, dengan perhatian yang sewajarnya diberikan kepada peruntukan-peruntukan lain Perjanjian ini.

Perkara 13

LABA DARIPADA PEMBERIMILIKAN HARTA

1. Laba daripada pemberimilikan harta tak alih, sebagaimana yang ditakrifkan dalam perenggan 2 Perkara 6, boleh dicukai dalam Negara Pejanji di mana harta itu terletak.

2. Laba daripada pemberimilikan harta alih yang menjadi sebahagian daripada harta perniagaan establismen tetap yang perusahaan suatu Negara Pejanji mempunyai dalam Negara Pejanji yang satu lagi atau harta alih yang tersedia kepada pemastautin suatu Negara Pejanji dalam Negara Pejanji yang satu lagi bagi maksud menjalankan perkhidmatan profesional, termasuk apa-apa laba daripada pemberimilikan establismen tetap sedemikian itu (bersendirian atau bersama dengan keseluruhan perusahaan itu) boleh dicukai dalam Negara yang satu lagi itu. Bagaimanapun, laba daripada pemberimilikan kapal atau pesawat udara yang dikendalikan di lalulintas antarabangsa oleh perusahaan yang mempunyai tempat pengurusan berkesannya di suatu Negara Pejanji dan harta alih berhubung dengan pengendalian kapal atau pesawat udara itu hanya boleh dicukai dalam Negara itu sahaja.

3. Laba daripada pemberimilikan apa-apa harta selain daripada yang disebutkan dalam perenggan 1 dan 2 Perkara ini, boleh dicukai hanya dalam Negara Pejanji yang pemberimilikan itu adalah pemastautin.

Perkara 14

PERKHIDMATAN DIRI BEBAS

1. Pendapatan yang diperolehi oleh pemastautin suatu Negara Pejanji berkenaan dengan perkhidmatan profesional atau aktiviti-aktiviti bebas lain dari jensi yang bersamaan hendaklah boleh dicukai hanya di Negara itu. Bagaimanapun, dalam hal-keadaan yang berikut, pendapatan sedemikian boleh dicukai di Negara Pejanji yang satu lagi tetapi hanya bahagian yang diperolehi daripada aktiviti-aktiviti yang dijalankan dalam Negara yang satu lagi itu sahaja boleh dicukai di Negara itu:

- (a) jika tinggalnya di Negara yang satu lagi adalah bagi suatu tempoh atau tempoh-tempoh yang jumlahnya sampai kepada atau melebihi 183 hari dalam tahun kalendar berkenaan; atau
- (b) jika saraan bagi perkhidmatannya di Negara yang satu lagi sama ada diperolehi daripada pemastautin Negara itu atau ditanggung oleh establismen tetap di mana seseorang yang bukan pemastautin di Negara itu mempunyai di Negara itu dan di mana, dalam mana-mana satu hal melebihi AS 4,000 dollar dalam tahun kalendar yang berkenaan, tanpa mengira bahawa tinggalnya dia di Negara itu adalah bagi suatu tempoh atau tempoh-tempoh yang kurang daripada 183 hari pada tahun kalendar itu.

2. Istilah “perkhidmatan profesional” termasuklah terutamanya aktiviti-aktiviti bebas saintifik, kesusasteraan, kesenian, pelajaran atau mengajar serta juga aktiviti bebas ahli fizik, peguam, jurutera, arkitek, dentis dan akauntan.

Perkara 15

PERKHIDMATAN DIRI TIDAK BEBAS

1. Tertakluk kepada peruntukan Perkara 16, 18, 19, 20 dan 21 gaji, upah dan saraan lain yang serupa yang diperolehi oleh pemastautin suatu Negara Pejanji berkenaan dengan suatu pekerjaan boleh dicukai hanya di Negara itu melainkan pekerjaan itu dijalankan di Negara Pejanji yang satu lagi. Jika pekerjaan itu dijalankan sedemikian, saraan tersebut sebagajmana yang diperolehi daripada Negara yang satu lagi bolehlah dicukai dalam Negara yang satu lagi itu.

2. Walau apa pun peruntukan perenggan 1, saraan yang diperolehi oleh pemastautin suatu Negara Pejanji berkenaan dengan pekerjaan yang dijalankan dalam Negara Pejanji yang satu lagi boleh dicukai hanya dalam Negara Pejanji yang mula-mula disebut itu jika:

- (a) penerimanya berada dalam Negara Pejanji yang satu lagi selama suatu tempoh atau tempoh-tempoh yang jumlahnya tidak melebihi 183 hari dalam tahun kalendar yang berkenaan; dan
- (b) saraan itu dibayar oleh, atau bagi pihak, majikan yang bukan pemastautin Negara yang satu lagi; dan
- (c) saraan itu tidak ditanggung oleh establismen tetap yang majikan mempunyai di Negara yang satu lagi.

3. Walau apa pun peruntukan-peruntukan terdahulu Perkara ini, saraan yang diperolehi berkenaan dengan pekerjaan yang dijalankan di atas kapal atau pesawat udara, yang dikendalikan di lalu-lintas antarabangsa, bolehlah dicukai dalam Negara Pejanji di mana tempat pengurusan berkesan perusahaan itu terletak.

Perkara 16

FEE ENGARAH

Fee pengarah dan bayaran yang serupa yang diperolehi oleh pemastautin suatu Negara Pejanji atas sifatnya sebagai anggota lembaga pengarah atau mana-mana organ lain yang serupa syarikat yang menjadi pemastautin Negara Pejanji yang satu lagi, bolehlah dicukai dalam Negara yang satu lagi itu.

Perkara 17

SENIMAN DAN OLAHRAGAWAN

1. Walau apa pun peruntukan Perkara 14 dan 15 pendapatan yang diperolehi oleh pemastautin suatu Negara Pejanji sebagai penghibur, seperti seniman teater, wayang gambar, radio atau televisyen, atau ahli muzik atau sebagai olahragawan, daripada aktiviti-aktiviti persendirian yang sedemikian yang dijalankan dalam Negara Pejanji yang satu lagi, boleh dicukai dalam Negara yang satu lagi itu.

2. Jika pendapatan berkenaan dengan aktiviti-aktiviti persendirian yang dijalankan oleh penghibur atau olahragawan atas sifatnya sedemikian itu terakru bukan kepada penghibur atau olahragawan itu sendiri tetapi kepada seorang yang lain, pendapatan itu boleh, walau apa pun peruntukan Perkara 7, 14 dan 15, dicukai dalam Negara Pejanji di mana aktiviti-aktiviti penghibur atau olahragawan itu dijalankan.

3. Walau apa pun peruntukan perenggan 1 dan 2 Perkara ini pendapatan yang disebut dalam Perkara ini hendaklah dikecualikan daripada cukai di Negara Pejanji di mana aktiviti penghibur atau olahragawan itu dijalankan dengan syarat bahawa aktiviti ini ditanggung sebahagian besarnya menggunakan wang awam Negara ini atau Negara yang satu lagi atau aktiviti itu dijalankan di bawah perjanjian kebudayaan atau persetujuan lain di antara Negara-Negara Pejanji.

Perkara 18
PENCEN DAN ANUITI

1. Tertakluk kepada peruntukan perenggan 2 Perkara 19, apa-apa pencen dan saraan lain seumpamanya bagi pekerjaan yang lalu atau apa-apa anuiti yang terbit dalam suatu Negara Pejanji dan dibayar kepada pemastautin Negara Pejanji yang satu lagi boleh dicukai hanya dalam Negara yang satu lagi itu.

2. Istilah “anuiti” ertinya sejumlah wang yang ditetapkan yang kena dibayar secara berkala pada masa-masa yang ditetapkan, sepanjang hayat atau sepanjang suatu tempoh masa yang dinyatakan atau yang boleh ditentukan, di bawah suatu kewajipan untuk membuat pembayaran sebagai pulangan bagi balasan yang cukup dan penuh dengan wang atau yang boleh dinilai dengan wang.

Perkara 19
PERKHIDMATAN KERAJAAN

1. (a) Saraan, selain daripada pencen, yang dibayar oleh suatu Negara Pejanji atau subbahagian politik atau pihak berkuasa tempatannya kepada mana-mana individu berkenaan dengan perkhidmatan yang diberi kepada Negara itu atau subbahagian politik atau pihak berkuasa tempatannya hanya boleh dicukai dalam Negara itu.

(b) Walau bagaimanapun, saraan itu boleh dicukai hanya dalam Negara Pejanji yang satu lagi jika perkhidmatan itu diberi dalam Negara yang satu lagi dan penerimanya adalah pemastautin Negara yang satu lagi itu yang:

- (i) adalah rakyat Negara itu, atau
- (ii) tidak menjadi pemastautin Negara itu semata-mata bagi maksud melaksanakan perkhidmatan itu.

2. Apa-apa pencen yang dibayar oleh, atau daripada kumpulan wang yang diadakan oleh, suatu Negara Pejanji, subbahagian politik atau pihak berkuasa tempatannya, kepada mana-mana individu berkenaan dengan perkhidmatan yang diberikan kepada Negara itu, subbahagian politik atau pihak berkuasa tempatannya boleh dicukai hanya dalam Negara itu.

3. Peruntukan Perkara 15, 16 dan 18 hendaklah terpakai bagi saraan dan pencen berkenaan dengan perkhidmatan yang diberi berkaitan dengan perniagaan yang dijalankan oleh suatu Negara Pejanji atau subbahagian politik atau pihak berkuasa tempatannya.

Perkara 20

PENUNTUT DAN PELATIH

Pembayaran yang penuntut atau perantis yang adalah atau telah sejurus sebelum melawat suatu Negara Pejanji menjadi pemastautin Negara Pejanji yang satu lagi dan yang berada di Negara yang tersebut dahulu semata-mata bagi maksud pelajaran atau latihannya menerima bagi maksud nafkah, pelajaran atau latihannya tidak boleh dicukai di Negara itu, dengan syarat bahawa pembayaran tersebut terbit daripada punca-punca di luar Negara itu.

Perkara 21

GURU DAN PENYELIDIK

1. Individu yang menjadi pemastautin suatu Negara Pejanji sejurus sebelum membuat lawatan ke Negara Pejanji yang satu lagi, dan yang, atas jemputan mana-mana universiti, kolej atau lain-lain institusi pelajaran yang seumpamanya, melawat Negara yang satu lagi itu bagi tempoh yang tidak melebihi dua tahun semata-mata bagi maksud mengajar atau menyelidik atau kedua-duanya di institusi pelajaran sedemikian hendaklah dikecualikan daripada cukai di Negara yang satu lagi itu apa-apa saraan kerana mengajar atau menyelidik itu yang tertakluk kepada cukai di Negara Pejanji yang tersebut dahulu.

2. Perkara ini tidaklah terpakai kepada pendapatan daripada penyelidikan jika penyelidikan itu dijalankan terutamanya bagi faedah persendirian seseorang atau orang-orang tertentu.

Perkara 22

PENDAPATAN YANG TIDAK DISEBUTKAN DENGAN NYATA

Butiran-butiran pendapatan pemastautin suatu Negara Pejanji yang tidak disebutkan dengan nyata dalam Perkara-Perkara terdahulu Perjanjian ini boleh dicukai hanya dalam Negara Pejanji itu kecuali jika pendapatan sedemikian diperolehi daripada sumber-sumber di Negara Pejanji yang satu lagi, ia boleh juga dicukai dalam Negara yang satu lagi itu.

Perkara 23

PENGHAPUSAN CUKAI DUA KALI

1. Tertakluk kepada undang-undang Malaysia berkenaan dengan kebenaran sebagai kredit terhadap cukai Malaysia bagi cukai yang kena dibayar di mana-mana negara selain daripada

Malaysia, cukai Hungary yang kena dibayar di bawah undang-undang Republik Rakyat Hungary dan mengikut Perjanjian ini oleh pemastautin Malaysia berkenaannya dengan pendapatan yang diperolehi daripada Republik Rakyat Hungary hendaklah dibenarkan sebagai kredit terhadap cukai Malaysia yang kena dibayar berkenaannya dengan pendapatan itu. Bagaimanapun kredit itu tidak boleh melebihi bahagian cukai Malaysia, seperti yang dihitungkan sebelum kredit itu diberikan, yang sesuai dengan butiran pendapatan itu.

2. Di Republik Rakyat Hungary;

- (i) Jika pemastautin Republik Rakyat Hungary memperolehi pendapatannya yang, mengikut peruntukan Perjanjian ini boleh dicukai di Malaysia, Republik Rakyat Hungary hendaklah, tertakluk kepada subperenggan (ii) dan (iii), mengecualikan pendapatan sedemikian daripada cukai.
- (ii) Jika pemastautin Republik Rakyat Hungary memperolehi butiran pendapatan yang, mengikut peruntukan Perkara 10, 11 dan 12 boleh dicukai di Malaysia Republik Rakyat Hungary hendaklah membenarkan sebagai potongan daripada cukai ke atas pendapatan pemastautin itu amaun yang bersamaan dengan cukai yang dibayar di Malaysia. Bagaimanapun potongan itu tidak boleh melebihi bahagian cukai, sebagaimana yang dihitungkan sebelum potongan itu diberikan yang berkaitan dengan butiran pendapatan tersebut yang diperolehi daripada Malaysia.
- (iii) Jika mengikut mana-mana peruntukan Perjanjian ini pendapatan yang diperolehi oleh pemastautin Republik Rakyat Hungary adalah dikecualikan daripada cukai di Republik Rakyat Hungary, Republik Rakyat Hungary boleh, walau bagaimanapun, dalam mengira amaun cukai ke atas pendapatan selebihnya pemastautin itu, mengambil kira pendapatan yang dikecualikan.

3. Bagi maksud-maksud perenggan 2, cukai yang telah diberikan pelepasan atau dikurangkan di Malaysia menurut kuasa undang-undang insentif khas bagi menggalakkan perkembangan ekonomi Malaysia atau mana-mana peruntukan lain yang boleh kemudiannya diperkenalkan di Malaysia sebagai ubahsuaian bagi, atau sebagai tambahan kepada, undang-undang tersebut atau menurut kuasa peruntukan Perjanjian ini hendaklah disifatkan sebagai telah dibayar dan hendaklah di mana boleh dibenarkan sebagai kredit di Republik Rakyat Hungary amaun yang bersamaan dengan cukai yang sepatutnya telah dibayar jika tiada pelepasan atau pengurangan sedemikian telah dibuat.

Perkara 24

TAK BERDISKRIMINASI

1. Rakyat suatu Negara Pejanji tidaklah boleh tertakluk dalam Negara Pejanji yang satu lagi kepada apa-apa pencukaaian atau apa-apa kehendak yang berkaitan dengannya yang berlainan atau lebih membebankan daripada pencukaaian dan kehendak-kehendak yang berkaitan yang kepadanya rakyat Negara yang satu lagi itu dalam hal-keadaan yang sama adalah atau boleh tertakluk.
2. Pencukaaian ke atas suatu establismen tetap yang perusahaan suatu Negara Pejanji mempunyai di Negara Pejanji yang satu lagi tidaklah boleh dilevikan dalam Negara Pejanji yang satu lagi itu, secara kurang baik daripada pencukaaian yang dilevikan ke atas perusahaan Negara yang satu lagi itu yang menjalankan aktiviti-aktiviti yang serupa.
3. Perusahaan suatu Negara Pejanji, yang modalnya secara keseluruhannya atau sebahagiannya dipunyai atau dikawal, secara langsung atau tidak langsung, oleh seorang atau lebih pemastautin Negara Pejanji yang satu lagi, tidaklah boleh tertakluk dalam Negara Pejanji yang mula-mula disebut itu kepada apa-apa pencukaaian atau apa-apa kehendak yang berkaitan dengannya yang lebih membebankan daripada pencukaaian dan kehendak-kehendak yang berkaitan yang kepadanya perusahaan lain yang serupa Negara Pejanji yang mula-mula disebut itu adalah atau boleh tertakluk.
4. Tiada apa-apa jua dalam Perkara ini boleh ditafsirkan sebagai mewajibkan:
 - (a) suatu Negara Pejanji supaya memberi kepada individu yang menjadi pemastautin Negara Pejanji yang satu lagi apa-apa elaun, pelepasan dan pengurangan diri bagi maksud-maksud cukai oleh sebab taraf sivil atau tanggungjawab keluarga yang diberikan oleh Negara Pejanji itu kepada pemastautin sendiri;
 - (b) suatu Negara Pejanji supaya memberikan kepada rakyat Negara Pejanji yang satu lagi yang bukannya pemastautin di Negara yang tersebut dahulu elaun, pelepasan dan pengurangan diri bagi maksud-maksud cukai yang menurut undang-undang yang, pada tarikh Perjanjian ini ditandatangani tersedia hanya kepada rakyat Negara yang tersebut dahulu yang bukan pemastautin di Negara itu.
5. Dalam Perkara ini, istilah “pencukaaian” ertinya cukai yang kepadanya Perjanjian ini terpakai.

Perkara 25

PROSEDUR PERSETUJUAN BERSAMA

1. Jika pemastautin suatu Negara Pejanji berpendapat bahawa tindakan satu atau kedua-dua Negara Pejanji menyebabkan atau akan menyebabkan dirinya dicukai dengan tidak mengikut Perjanjian ini, dia boleh, walau apa pun remedi yang diperuntukkan oleh undang-undang pencukaaian Negara-Negara itu, mengemukakan kesnya kepada pihak berkuasa kompeten Negara di mana dia menjadi pemastautin atau, jika kesnya termasuk di bawah perenggan 1 Perkara 24, kepada pihak berkuasa kompeten Negara di mana dia menjadi rakyat. Kes itu hendaklah dikemukakan dalam masa tiga tahun daripada pemberitahuan pertama tentang tindakan yang menyebabkan pencukaaian yang tidak mengikut peruntukan Perjanjian ini.

2. Pihak berkuasa kompeten hendaklah berusaha, jika ia berpendapat bahawa bantahan itu adalah patut dan jika ia sendiri tidak dapat mencapai penyelesaian yang sesuai, untuk menyelesaikan kes itu dengan cara persetujuan bersama dengan pihak berkuasa kompeten Negara Pejanji yang satu lagi, dengan tujuan untuk mengelakkan pencukaaian yang tidak mengikut Perjanjian ini. Apa-apa persetujuan yang dicapai hendaklah dilaksanakan walau apa pun had masa yang terdapat dalam undang-undang domestik Negara-Negara Pejanji.

3. Pihak-pihak berkuasa kompeten Negara-Negara Pejanji hendaklah berusaha menyelesaikan dengan cara persetujuan bersama apa-apa kesulitan atau keraguan yang timbul mengenai pentafsiran atau pemakaian Perjanjian ini. Mereka juga boleh bersama-sama berunding untuk menghapuskan cukai dua kali dalam kes-kes yang tidak diperuntukkan dalam Perjanjian ini.

4. Pihak-pihak berkuasa kompeten Negara-Negara Pejanji boleh berhubung secara langsung di antara satu sama lain bagi maksud untuk mencapai persetujuan mengikut perenggan-perenggan yang terdahulu.

Perkara 26

BERTUKAR-TUKAR MAKLUMAT

1. Pihak-pihak berkuasa kompeten Negara Pejanji hendaklah bertukar-tukar apa-apa maklumat sebagaimana yang perlu bagi melaksanakan peruntukan-peruntukan Perjanjian ini atau bagi pencegahan atau pengesahan pelarian atau pengelakan cukai yang diliputi oleh Perjanjian ini. Apa-apa maklumat yang dipertukarkan sedemikian hendaklah disifatkan sebagai rahsia dan hendaklah dizahirkan hanya kepada orang-orang atau pihak-pihak berkuasa (termasuk Mahkamah atau pihak berkuasa ulangkaji)

berkenaan dengan pentaksiran, pemungutan, penguatkuasaan atau pendakwaan berkenaan dengan, atau keputusan rayuan-rayuan berhubungan dengan, cukai-cukai yang tertakluk kepada Perjanjian ini.

2. Peruntukan-peruntukan perenggan 1 tidak sekali-kali boleh ditafsirkan sebagai mengenakan ke atas suatu Negara Pejanji kewajipan:

- (a) untuk melaksanakan langkah-langkah pentadbiran yang bercanggah dengan undang-undang atau amalan pentadbiran Negara itu atau Negara Pejanji yang satu lagi;
- (b) untuk memberi butir-butir yang tidak boleh didapati di bawah undang-undang atau mengikut perjalanan biasa pentadbiran Negara Pejanji atau Negara Pejanji yang satu lagi;
- (c) untuk memberi maklumat yang akan menzahirkan apa-apa rahsia tred, perniagaan, perindustrian, perdagangan atau profesion atau proses tred, atau maklumat yang penzahirannya adalah bertentangan dengan polisi awam.

Perkara 27

PEGAWAI DIPLOMATIK DAN KONSULAR

Tiada apa-apa jua dalam Perjanjian ini boleh menyentuh keistimewaan fiskal pegawai-pegawai diplomatik atau konsular di bawah kaedah-kaedah am undang-undang antarabangsa atau di bawah peruntukan-peruntukan perjanjian-perjanjian khas.

Perkara 28

MULA BERKUATKUASA

1. Kerajaan-Kerajaan Negara-Negara Pejanji hendaklah memberitahu di antara satu sama lain bahawa kehendak-kehendak mengikut undang-undang mereka bagi mula berkuatkuasanya Perjanjian ini telah dipatuhi.

2. Perjanjian ini hendaklah mula berkuatkuasa selepas enam puluh hari selepas tarikh surat pemberitahuan yang disebut dalam perenggan 1 dan peruntukan-peruntukannya hendaklah terpakai bagi tahun taksiran bermula pada satu haribulan Januari tahun kalendar yang berikutan selepas tahun di mana Perjanjian ini mula berkuatkuasa dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

Perkara 29

PENAMATAN

Perjanjian ini hendaklah terus berkuatkuasa sehingga ditamatkan oleh Kerajaan satu daripada Negara-Negara Pejanji. Kerajaan salah satu Negara Pejanji boleh menamatkan Perjanjian ini, melalui saluran diplomatik, dengan memberikan notis penamatan sekurang-kurangnya enam bulan sebelum berakhirnya mana-mana tahun kalendar yang berikutan selepas tempoh lima tahun daripada tarikh Perjanjian ini mula berkuatkuasa. Pada berlakunya peristiwa yang sedemikian itu Perjanjian ini hendaklah terhenti daripada berkuatkuasa bagi tahun taksiran bermula pada hari pertama bulan Januari tahun kalendar yang berikutan selepas tahun di mana notis itu diberi dan tahun-tahun taksiran berikutnya.

PADA MENYAKSIKAN hal di atas yang bertandatangan di bawah ini yang diberikuasa dengan sewajarnya bagi maksud itu, oleh Kerajaan mereka masing-masing, telah menandatangani Perjanjian ini.

DIPERBUAT dalam dua salinan di Budapest pada 22 haribulan Mei 1989 dalam Bahasa Malaysia, Bahasa Hungary dan Bahasa Inggeris, ketiga-tiga naskah adalah sama sah. Jika sekiranya terdapat pertikaian tentang pentafsiran dan pemakaian Perjanjian ini, naskah Bahasa Inggeris hendaklah mengatasi.

BAGI PIHAK KERAJAAN
MALAYSIA

BAGI PIHAK KERAJAAN,
REPUBLIK RAKYAT
HUNGARY

PROTOKOL

Pada masa menandatangani Perjanjian ini hari ini di antara Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Republik Rakyat Hungary bagi mengelakkan pembayaran cukai dua kali berkenaan dengan cukai-cukai ke atas pendapatan yang bertandatangan di bawah telah bersetuju kepada peruntukan-peruntukan berikut yang hendaklah menjadi suatu bahagian integral Perjanjian.

1. *Berkenaan dengan Perkara 5*, ianya adalah difahami bahawa istilah “tempat perniagaan” termasuklah juga tempat pengeluaran.
2. *Berkenaan dengan Perkara 8*, pengendalian di lalu lintas antarabangsa bagi kapal atau pesawat udara, termasuklah aktiviti-aktiviti tambahan perusahaan itu, misalnya pengangkutan dengan bas di antara suatu bandar dan lapangan terbang setakat mana aktiviti-aktiviti ini adalah berkaitan secara langsung dengan pengangkutan antarabangsa.

-
3. *Berkenaan dengan Perkara 10*, jika selepas tarikh Perjanjian ini ditandatangani sistem percukaian yang wujud di Malaysia yang boleh dipakai bagi pendapatan dan pembahagian-pembahagian syarikat-syarikat diubah dengan diperkenalkan suatu cukai ke atas pendapatan atau keuntungan suatu syarikat (yang baginya tiada kredit atau hanya sebahagian kredit diberikan kepada pemegang-pemegang syernya) dan suatu cukai selanjutnya ke atas dividen yang dibayar oleh syarikat itu, cukai Malaysia ke atas dividen, sebagai dividen yang dibayar oleh syarikat yang menjadi pemastautin di Malaysia bagi maksud-maksud cukai Malaysia, dan yang kepadanya pemastautin Hungary adalah berhak secara benefisialnya, tidak boleh melebihi 10 peratus daripada amaun kasar dividen itu.
 4. *Berkenaan dengan Perkara 11*, dalam hal Republik Rakyat Hungary perenggan 4 (c) Perkara ini termasuklah juga pinjaman yang diberi, digerenti atau diinsurankan oleh Bank Negara Hungary (Bank Pusat).
 5. *Berkenaan dengan Perkara 14*, pihak berkuasa kompeten boleh melalui persetujuan bersama mengubah amaun saraan yang dinyatakan dalam perenggan 1 (b).
 6. *Berkenaan dengan Perkara 23*, Republik Rakyat Hungary mengiktirafkan bahawa dalam hal dividen yang diterima oleh pemastautin Republik Rakyat Hungary daripada syarikat yang menjadi pemastautin di Malaysia, terdapat suatu cukai yang dikenakan ke atas mereka. Pada masa ini ianya dikenakan pada kadar 40 peratus yang mana adalah bersamaan dengan kadar cukai pendapatan yang dikenakan ke atas syarikat yang membayar dividen. Republik Rakyat Hungary juga memahami bahawa cukai yang ditanggungkan ke atas dividen itu boleh diubah supaya bertepatan dengan kadar Cukai Pendapatan yang dikenakan ke atas syarikat-syarikat. Bagaimanapun jika sekiranya kadar yang dikenakan ke atas bukan pemastautin berbeza daripada kadar Cukai Pendapatan syarikat-syarikat dengan perbezaan melebihi 10 peratus, Republik Rakyat Hungary mempunyai hak untuk berunding semula mengenai Perkara ini dan apa-apa ketetapan akan dibuat melalui pertukaran surat-surat.

